

KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

**CADANGAN MENGKAJI SEMULA MENAIKKAN KADAR
LAPORAN PERUBATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL DAN
INSTITUSI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk menaikkan bayaran laporan perubatan di hospital-hospital dan institusi perubatan Kementerian kesihatan Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Laporan Perubatan adalah dokumen yang disediakan oleh pengamal perubatan berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia (Akta Fi 1951 – Perintah Fi (Perubatan) 1982 (P.U.(A) 359 ms1117 Bhg 3. Jadual H) mengenai masalah kesihatan dan rawatan yang diperolehi oleh seseorang pesakit di hospital atau mana-mana kemudahan kesihatan berdasarkan rekod perubatan pesakit tersebut. Berikut adalah bayaran yang

dikutip untuk laporan perubatan mengikut kategori (untuk warganegara Malaysia):

Laporan Perubatan	Kadar Bayaran (RM)
Pegawai perubatan	40
Laporan Ringkas/Pendapat Pakar	80
Laporan Perubatan Terperinci Pakar (sila rujuk Lampiran 1 untuk keterangan lanjut)	200 - 1000

Pengecualian bayaran meliputi permohonan dari:

- (a) Polis
- (b) Jabatan Kerajaan (untuk tujuan pentadbiran)
- (c) Pesakit yang mendapat surat aguan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan menyertakan Kad Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- (d) biro bantuan guaman
- (e) Borang BAT F117 untuk tentera yang disertakan bersama surat pengesahan dari Pegawai Pemerintah

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Bayaran laporan perubatan untuk warga Malaysia tidak disemak semula sejak tahun 1951.

3.2 Penyediaan laporan perubatan merupakan tugas sampingan untuk pegawai perubatan/pakar. Penyediaan laporan perubatan medikolegal umpamanya memerlukan doktor berkenaan bersedia untuk ke mahkahmah seterusnya berdasarkan laporan yang diberi. Pihak insuran sering kali meminta penjelasan termasuk beberapa penjelasan untuk laporan yang disediakan. Berdasarkan masalah yang disenaraikan, ramai doktor tidak berminat dalam membuat laporan perubatan sekaligus melambatkan proses penyediaan laporan perubatan untuk pesakit.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

4.1 Tiada implikasi kewangan kepada kerajaan

5.0 KESIMPULAN

5.1 Permohonan ini adalah untuk mempertimbangkan kerajaan kadar bayaran untuk laporan perubatan dikaji semula dan menaikkan kadar tersebut.

6.0 SYOR

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbangkan syor untuk mengkaji semula menaikkan kadar bayaran laporan perubatan di Hospital –Hospital dan Institusi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang dicadangkan di Lampiran 2.

**Lampiran 1 Bayaran bagi Laporan Perubatan Terperinci
Pakar**

Laporan Perubatan	Kadar Bayaran (RM)
Penyediaan laporan Perubatan dimana maklumat pesakit diperolehi dari Rekod Perubatan pesakit tanpa pemeriksaan lanjut ke atas pesakit.	200
Penyediaan laporan Perubatan termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit di mana pesakit perlu datang semula untuk pemeriksaan lanjut.	400
Penyediaan laporan Perubatan termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit di mana pesakit perlu datang semula beberapa kali untuk pemeriksaan lanjut.	600
Penyediaan laporan Perubatan termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan	800

penyakit di mana pesakit perlu masuk wad untuk penilaian, pemerhatian dan penyiasatan lanjut sebelum pendapat Pakar boleh diperolehi.	
Penyediaan laporan Perubatan dimana termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit dan juga hasil penyiasatan dari hospital dirujuk, di mana perlu dirujuk ke hospital lain untuk penyiasatan lanjut sebelum pendapat pakar boleh diperolehi)	1000

Lampiran 2 : Cadangan Kadar Bayaran Baru Laporan Perubatan

Laporan Perubatan	Kadar Bayaran sejak 1951(RM)	Kadar Bayaran Baru dicadangkan
Pegawai perubatan	40	100
Laporan Ringkas/Pendapat Pakar	80	200
Laporan Perubatan Terperinci Pakar	200 - 1000	400 - 2000

DR VASU PILLAI LETCHUMANAN

**Ahli Majlis Bersama Kebangsaan
[Pengurusan dan professional]
Pengerusi SCHOMOS 2015 -2016
Persatuan Perubatan Malaysia**